

Perdana Menteri tersentuh rakyat miliki nilai kemanusiaan tinggi

Oleh
NAZERI NONG SAMAH

KUALA LUMPUR 12 Ogos — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, rakyat negara ini amat bertuah kerana dalam kesibukan dengan kehidupan yang kian mencabar namun mereka masih menikmati nilai kemanusiaan yang tinggi.

Perdana Menteri berkata, malah yang lebih membanggakan lagi ialah masih terdapat insan yang berhati suci yang sanggup mengorbankan kepentingan sendiri demi menegakkan nilai kemanusiaan membela nasib golongan yang malang tanpa mengira anutan agama dan warna kulit.

Katanya sikap sedemikian akan dapat membantu melahirkan masyarakat penyayang.

Abdullah menyatakan demikian pada majlis penyampaian Anugerah Ke-

manusiaan Muda NSTP-PwC 2004 anjuran serta tajaan bersama olehumpulan The New Straits Times dan PricewaterhouseCoopers (PwC) di Hotel Mandarin Oriental di sini malam ini.

Abdullah menambah beliau percaya kewujudan anugerah itu juga dapat memupuk semangat kemanusiaan yang tinggi secara kolektif di kalangan rakyat berbilang kaum ke arah melahirkan masyarakat penyayang.

Menurutnya, rakyat negara ini dianggap unik kerana mampu membentuk perpaduan meskipun hidup dalam suasana berlainan budaya, kepercayaan dan anutan agama.

Tegas beliau, keunikan tersebut menjadi aset yang amat penting ditambah pula dengan penerapan nilai masyarakat penyayang yang sekali gus akan memacu kecemerlangan dan kegemilangan berterusan.

Pada majlis itu Norlina Alawi, 32, penjaga kanak-kanak pesakit HIV/AIDS dari Taman Melor, Ampang, Selangor dipilih sebagai penerima Anugerah Kemanusiaan Muda NSTP-PwC.

Beliau menerima hadiah RM20,000 untuk individu dan RM20,000 untuk, membiayai pusat jagaannya itu.

Norlina juga adalah Yang Dipertua Persatuan Kebajikan Anak Pesakit HIV/AIDS Nuru] Iman, Malaysia (Pernim).

"Saya amat terharu dengan penghargaan yang diberikan ini kerana segala usaha yang saya lakukan menerusi Pernim perhatian pihak penganjur anugerah itu," katanya.

Dua penerima hadiah penghargaan ialah Siva Saravana Kumar Gopal Das, 26, dari Taman Maluri, Kuala Lumpur dan Adrian Lasimbang, 26, dari Penampang, Kota Kinaba-

lu, Sabah. Mereka masing-masing menerima wang RM3,000 seorang.

Siva dipilih berdasarkan keistimewaannya yang luar biasa kerana telah membabitkan diri dengan tugas menyelamatkan lebih 195 kes mangsa kemalangan sebagai anggota beruniform St. John Ambulance Malaysia (SJAM).

Adrian pula dihargai menerusi usaha kemanusiaannya yang sanggup bersusah payah membawa sinar pengetahuan kepada penduduk pendalaman terutama kanak-kanak sekolah di Sabah dan Sarawak menguasai kemahiran teknologi komunikasi maklumat (ICT).

Adrian siswazah Universiti Malaya itu bagaimanapun tidak dapat hadir kerana berada di luar negara dan hadiah diterima melalui abangnya, Philip Lasimbang.